

## BAB 4 MALAYAN UNION

1. Pembinaan negara dan bangsa Malaysia mengambil masa yang lama serta terpaksa menghadapi banyak cabaran antaranya Malayan Union merupakan usaha British menghapuskan negara dan
2. bangsa yang telah dibina sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka
3. Cadangan membentuk MU telah dibentangkan di House of Commons, London pada 10 Oktober 1945
4. Parlimen British telah meluluskannya di England pada Januari 1946
5. Pembentukan MU diisytiharkan di Kuala Lumpur pada 1 April 1946
6. Merupakan usaha British menghapuskan negara dan bangsa yang telah dibina sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka
7. Sebelum ini British menerima:
  - ~ Negeri Melayu
  - ~ Raja Melayu
  - ~ orang Melayu
  - ~ Adat istiadat Melayu
  - ~ Agama Islam
  - ~ Bahasa Melayu

### SEBAB-SEBAB PEMBENTUKAN MALAYAN UNION


Persediaan membentuk kerajaan sendiri	1. Ke arah pembentukan kerajaan sendiri dengan kuasa pada rakyat tempatan.
Melahirkan pentadbiran yang licin	1. Sebelumnya Tanah Melayu terbahagi kpd 3 pentadbiran : NNS, NNMB, NNMTB. MU hendak menyeragamkannya.
Menjimatkan kos pentadbiran	1. Kepelbagaian pentadbiran menyebabkan kos pentadbiran besar dan menyebabkan pembangunan ekonomi negeri tidak seimbang.
Membentuk Bangsa Malayan Union	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Supaya golongan pendatang dapat melupakan Negara asal mereka dan menumpukan taat setia kepada Malayan Union</li> <li>2. Memastikan sumber tenaga dan pelaburan untuk memajukan ekonomi Tanah Melayu tidak terbantut.</li> </ol>
Mengawal kuasa politik orang Melayu	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menjamin penguasaan yang berterusan terhadap sumber ekonomi British di Tanah Melayu</li> <li>2. Mengurangkan kuasa politik orang Melayu dan mencegah konsep Melayu Raya – Gabungan Melayu dengan Indonesia.</li> </ol>
Membalas jasa baik bukan Melayu.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jasa bukan Melayu yang sokong British dalam Perang Dunia 2.</li> <li>2. Melayu sokong Jepun pada awal perang.</li> </ol>

## CIRI-CIRI MALAYAN UNION

- 1) Negeri Melayu Bersekutu, Negeri Melayu Tidak Bersekutu dan 2 Negeri Selat digabungkan
- 2) Gabenor British yang dilantik oleh Ratu England mengetuai MU
- 3) Majlis Eksekutif dan Majlis Undangan MU dibentuk
- 4) Singapura diasingkan dan menjadi pelabuhan bebas
- 5) Kewarganegaraan sama rata – jus soli
- 6) Raja-raja menjadi ahli Majlis Raja-Raja Melayu yang hanya membincangkan soal agama Islam dan adat istiadat sahaja.
- 7) Seorang Pesuruhjaya Negeri dilantik bagi setiap negeri sebagai ketua pentadbir.

## ASPEK KERAKYATAN MALAYAN UNION - JUS SOLI

1. Jus Soli merujuk kepada kelayakan menjadi rakyat MU kepada sesiapa sahaja yang lahir di Tanah Melayu
2. Mereka yang berumur 18 tahun dan ke atas serta bermastautin selama 10 hingga 15 tahun akan diberikan kerakyatan
3. Mereka yang berumur kurang daripada 18 tahun yang merupakan anak warganegara di atas, turut diberi kerakyatan
4. Semua rakyat British daripada tanah jajahan taklunya boleh menjadi rakyat Malayan Union



## **PENGISYTIHARAN MALAYAN UNION**

1. Diisytiharkan pada 1 April 1946 di King's House (Carcosa Seri Negara) Kuala Lumpur.
2. Gabenor pertamanya ialah Sir Edward Gent

## **REAKSI TERHADAP MALAYAN UNION**

### **PENENTANGAN OLEH ORANG MELAYU**

1. Orang Melayu membantah tindakan Sir Harold MacMicheal yang mengugut raja-raja Melayu bahawa mereka akan diturunkan daripada takhta sekiranya enggan menerima MU – contoh Sultan Badlishah, Kedah.
2. Sultan tidak diberi masa yang cukup untuk berunding dengan Majlis Meyuarat Negeri - Contoh Sultan Perak.
3. Sultan menandatangani Perjanjian MU atas dasar setia kawan British seperti Sultan Selangor dan Sultan Johor
4. Kuasa Raja-raja Melayu terhakis kerana mereka hanya menjadi ahli Majlis Melayu tanpa sebarang kuasa
5. Mereka kehilangan takhta dan kredibiliti sebagai ketua orang Melayu kerana zakat fitrah dipungut di bawah nama Gabenor MU
6. Orang Melayu bimbang agama Islam tercabar
7. Pemberian kerakyatan yang longgar kepada orang dagang akan mengancam status quo orang Melayu sebagai peribumi, jumlah orang Melayu akan menjadi kecil, ekonomi dan pendidikan mereka akan bertambah mundur
8. Bimbang kehilangan warisan tamadun yang telah dibina sejak Kesultanan Melayu Melaka.

### **GOLONGAN YANG MENYOKONG**


1. Orang dagang dan golongan Melayu radikal menyokong kerana:
  - a) dasar menyatukan negeri-negeri Melayu menjadi sebuah unit politik dapat melicinkan pentadbiran
  - b) Dasar sama rata MU akan menghapuskan hak-hak perlindungan kepada orang Melayu
  - c) Dasar kerakyatan terbuka membolehkan mereka mengekalkan kerayatan asal mereka.
  - d) British berjanji akan memberi kemerdekaan Tanah Melayu.
2. Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dianggap radikal Melayu, menyokong kerana:
  - a) Pemerintahannya bersifat barat, menghapuskan sistem feodal Melayu dan tidak mengiktiraf kuasa Raja dan Pembesar Melayu.
  - b) Konsep republik seperti di Indonesia dapat dijalankan dan seterusnya konsep Melayu Raya dapat dilaksanakan.
  - c) Penyatuan pentadbiran agama Islam dalam MU memudahkan hal ehwal pentadbiran Islam.
3. Angkatan Pemuda Insaf (API) pimpinan Ahmad Boestamam
4. Angkatan Wanita Sedar (AWAS)
5. Barisan Tani Malaya (BATAS)

6. Pegawai Tadbir Melayu menyokong kerana alasan British merupakan kuasa besar dan mempunyai kecekapan untuk membangunkan Tanah Melayu.

#### **CARA ATAU TINDAKAN MELAYU MENENTANG MALAYAN UNION**

Cara	Huraian
Akhbar	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Utusan Melayu</li> <li>2. Majlis</li> <li>3. Warta Negara</li> </ol>
Demonstrasi secara aman	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Orang Melayu mengadakan demonstrasi secara aman semasa Sir Harold MacMicheal mendapatkan tandatangan raja-raja Melayu di Kota Bahru, Kelantan dan di Alor Setar, Kedah.</li> </ol>
Persatuan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Persatuan-persatuan Melayu dihidupkan semula untuk membantah MU. Contoh UMNO.</li> <li>2. Mereka menghantar telegram dan surat bantahan ke Pejabat Tanah Jajahan di London.</li> </ol>
Kongres	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kongres Melayu 1946 diadakan di Kelab Sultan Sulaiman, Kb. Baru, Kuala Lumpur pada 1 hingga 4 Mac</li> <li>2. Kongres ini dihadiri 41 persatuan dari seluruh Semenanjung Tanah Melayu.</li> </ol>
UMNO	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kongres bersetuju menubuhkan UMNO untuk menentang MU</li> <li>2. Kongres mengadakan bantahan kedua pada 30 hingga 31 Mac 1946 untuk membantah MU</li> </ol>
Rapat Umum	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Orang Melayu mengadakan rapat umum di setiap bandar besar untuk menunjukkan bantahan mereka kepada ahli-ahli parlimen British iaitu L.D Gammans dan David Reese Williams.</li> </ol>
Raja-Raja	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Raja-raja Melayu berkumpul di Kuala Kangsar pada 28 April 1946 untuk menyatakan bantahan mereka kepada ahli-ahli parlimen British.</li> </ol>

## PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948



## LANGKAH-LANGKAH PEMBENTUKAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948

Langkah	Keterangan
British menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kerja/ Eksekutif	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Dianggotai 12 ahli, terdiri daripada pegawai kanan British, pemimpin UMNO dan wakil Raja-raja Melayu</li> <li>b) Mereka mengadakan mesyuarat di King's House, Kuala Lumpur</li> <li>c) Orang Melayu membuat 5 tuntutan: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Raja-raja Melayu dan UMNO menolak semuaprinsip dan struktur MU</li> <li>ii. Mereka mahukan sebuah persekutuan seperti Konsep NNMB</li> <li>iii. Mereka menolak kerakyatan terbuka MU</li> <li>iv. Mereka mahu dasar perlindungan terhadap negeri Melayu dan orang Melayu dipulihkan</li> <li>v. Mereka menuntut Raja-raja Melayu sebagai ketua negeri-negeri Melayu diakui semula.</li> </ul> </li> </ul>
British menubuhkan sebuah Jawatankuasa Perunding	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Untuk berlaku adil</li> <li>b. Untuk mendapatkan pandangan mereka dalam menyediakan Perjanjian Persekutuan 1948.</li> </ul>

## **PERJANJIAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948**

1. Ditandatangani pada 21 Januari 1948 antara Raja-raja Melayu dengan British di King's House, Kuala Lumpur dan PTM ditubuh dengan rasminya pada 1 Februari 1948.
2. Ciri-ciri Perjanjian PTM 1948 ialah:
  - i. Sebuah persekutuan dibentuk dengan gabungan 11 buah negeri
  - ii. PTM diketuai Pesuruhjaya Tinggi British
  - iii. Perlindungan khas diletakkan di bawah Pesuruhjaya Tinggi British
  - iv. Konsep Raja Berperlembagaan diperkenalkan
  - v. Senarai Persekutuan dan Senarai Negeri diwujudkan
  - vi. Pesuruhjaya Tinggi British menjaga kedudukan istimewa Melayu
3. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 menjelaskan:
  - i. Syarat Kerakyatan diperketat - Prinsip kerakyatan jus soli adalah untuk
    1. Rakyat Raja Melayu (bagi negeri Melayu)
    2. Rakyat British bagi NNS.
  - ii. British mengiktiraf semula ketuanan Melayu sebagai asas pembentukan PTM . Dasar ini diakui British sejak Perjanjian Pangkor 1874.
  - iii. Institusi Raja Melayu dikekalkan Bidang kuasa dan kedudukannya yang jelas dalam pentadbiran,
  - iv. Setiap negeri Melayu mengadakan perjanjian dan perlembagaan bertulis dengan British yang dikenali sebagai Undang-Undang Tubuh Negeri yang sehingga kini digunakan.

## **INFO ISTILAH**

1. Senarai Persekutuan : Perkara-perkara pentadbiran yang diletakkan di bawah bidang kuasa pusat di Kuala Lumpur
2. Senarai Negeri : Perkara-perkara pentadbiran yang diletakkan di bawah bidang kuasa setiap negeri.
3. Rakyat raja : Seseorang Melayu yang lahir di negeri itu ialah rakyat negeri tersebut secara automatik
4. Kontrk Sosial : Perjanjian Bertulis British tentang kedudukan dan keistimewaan orang Melayu dalam perlembagaan
5. Rakyat British: Mereka yang tinggal dan lahir di Pulau Pinang dan Melaka.
6. Orang Dagang ialah mereka yang datang ke Tanah melayu untuk mencari kehidupan baru. Mereka tidak bertujuan untuk tinggal tetap tetapi kembali ke negara asal.
7. Golongan Melayu Radikal ialah kumpulan orang Melayu yang menolak sistem feodal dan memandang Indonesia sebagai inspirasi mendokong penubuhan Melayu Raya dengan bergabung dengan Indonesia Raya. Kebanyakannya berasal dari Indonesia
8. Status Quo ialah suatu kedudukan yang telah diterima dan ingin dikekalkan.

## TOKOH PEJUANG MALAYAN UNION

TOKOH	Tindakan
1. Sultan yang bersuara tegas: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sultan Badlishah (Kedah)</li> <li>- Sultan Abd. Aziz ( Perak)</li> <li>- Sultan Ibrahim (Johor)</li> </ul>	Mereka menuntut supaya: <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Kuasa Raja-raja Melayu dikembalikan semula seperti sebelum 1941</li> <li>b) Perlindungan kepada rakyat Melayu sebagai Rakyat Raja Melayu dikekalkan</li> <li>c) Kuasa mereka dan perlindungan kepada orang Melayu dan hal ehwal ketuanan Melayu dipelihara. Mereka tidak menolak kehadiran British.</li> </ol>
1. Rakyat diwakili pembesar Melayu seperti <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Dato' Onn Jaafar</li> <li>2. Dato' Nik Ahmed Kamil</li> </ol>	Mereka mencadang dan mendesak British: <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Melindungi kepentingan orang Melayu dan Raja-raja Melayu.</li> <li>2. Kerjasama mereka dengan Raja-raja Melayu membolehkan prinsip-prinsip politik, pentadbiran, agama Islam dan bahasa Melayu serta pengekaln Institusi Raja Melayu berjaya dimasukkan dalam Perjanjian Persekutuan 1948.</li> </ol>

## PERGERAKAN POLITIK SABAH DAN SARAWAK

### Pengenalan

- Sarawak dan Sabah dipaksa menerima penjajahan British secara mutlak
- Keturunan James Brooke iaitu Charles Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British di London sebagai tanah jajahan mahkota
- SBUB menyerahkan Sabah kepada British di London sebagai tanah jajahan mahkota.

### SARAWAK

<i>Tokoh</i>	<i>Keterangan</i>
Vyner Brooke	1. Raja terakhir Sarawak telah menyerahkan Sarawak kepada British kerana alasan: <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Telah tua dan uzur dan tidak ada waris.</li> <li>b. Penggantinya Anthony Brooke tidak layak mentadbir dengan berkesan</li> <li>c. Tekanan dan desakan daripada kerajaan British kerana menjaga ekonomi pelaburan British.</li> </ol> 2. Beliau menghantar Gerald MacBryan untuk mendapatkan persetujuan pembesar Sarawak 3. Beliau mengisytiharkan penyerahan Sarawak kepada British pada 8 Februari 1946.
Datu Patinggi Abang Haji Abdillah	Ketua Masyarakat Melayu Sarawak menentang tindakan Vyner Brooke kerana bercanggah dengan perlembagaan 1941

Persatuan kaum tempatan	Persatuan Melayu Sarawak (PMS) dan Persatuan Dayak Sarawak (PDS) menentang kerana Vyner Brooke tidak berunding dengan orang tempatan atau ketua-ketua mereka Vyner Brooke telah berunding dengan Majlis Negeri tetapi hanya disokong oleh anggota bukan bumiputera dan pegawai-pegawai British menyebabkan Sarawak diisytiharkan sebagai tanah jajahan Mahkota British pada 1 Julai 1946
	Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS) , Barisan Pemuda Melayu (BPM) Sibu dan PDS menentang pengisytiharan tersebut secara terbuka.
	Kaum Ibu dalam PKMS turut membantah dengan berdemokrasi dan menghantar surat bantahan kepada kerajaan British
Kerajaan British	Surat Pekeliling Bil. 9 dikeluarkan, tindakan akan diambil kepada pegawai kerajaan yangterlibat. 338 kakitangan awam meletakkan jawatan sebagai tanda bantahan.
Rukun Tiga Belas	Kumpulan pakatan Sulit antara kaum terpelajar dengan orang muda Sarawak sebagai tindak balas terhadap tekanan politik British.
Rosli Dhobi	Anggota Rukun Tiga Belas telah menikam Sir Duncan Stewart (Gabenor Sarawak) yang melawat Sibu pada 3 Disember 1949. Rosli Dhobi dan tiga rakannya dihukum gantung. Tindakan mereka tidak berjaya kerana pimpinan Sarawak tidak bersatu.

### PERLEMBAGAAN 1941

1. Perlembagaan bertulis pertama di Sarawak
2. Vyner Brooke berjanji akan memberikan kerajaan sendiri kepada Sarawak dan kuasa mentadbir dan diberikan kepada Majlis Negeri
3. Ahli-ahli Majlis Negeri akan dilantik oleh Raja Sarawak.